

Guna peralatan elektrik pintar bantu jimat elektrik, cegah jenayah

Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my



Prof Madya Ts Dr Jasrul Jamani Jamian.

Johor Bahru: Penggunaan peralatan elektrik pintar di rumah bukan sahaja dapat menjimatkan penggunaan elektrik, malah dapat membantu pemilik kediaman menjaga keselamatan harta benda dan menghindari kejadian jenayah ketika meninggalkan rumah dalam tempoh yang lama.

Ia berikutan, penggunaan peralatan pintar dapat dikawal dari jauh dengan menggunakan capaian internet walaupun berada di luar kawasan kediaman.

Pensyarah Sekolah Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Ts Dr Jasrul Jamani Jamian berkata, peralatan pintar sudah wujud di Malaysia, namun penggunaannya masih belum mendapat tempat secara menyeluruh kepada pengguna di negara ini.

"Kebanyakan rumah pada masa sekarang sudah mempunyai internet, maka peralatan pintar ini boleh digunakan kerana ia berkomunikasi melalui internet membolehkan pengguna mengawal peralatan elektrik di rumah dari jarak jauh.

"Mengambil contoh lampu, kita boleh memadamkan lampu ketika waktu siang dan menghidupkannya pada waktu malam menggunakan peralatan pintar walaupun kita berada di luar kawasan.

"Dengan alternatif ini, maka kita bukan sahaja dapat menjimatkan penggunaan elektrik, malah dapat menjaga keselamatan peralatan selain mencegah daripada berlakunya jenayah ketika kita tidak berada di rumah," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai memberi maklum balas kepada kenyataan Ketua Penolong Pengarah Risikan/Operasi/Rekod (D4), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner S Shanmugamoorthy yang menyatakan bahawa taktik sering digunakan pemilik rumah ketika meninggalkan rumah untuk bercuti bagi mengaburi mata penjenayah, iaitu dengan membiarkan lampu rumah terpasang, sudah tidak boleh dipakai lagi.

Jasrul Jamani berkata, walaupun dari segi keselamatan elektrik, lampu yang dihidupkan dalam tempoh yang lama tidak memberi sebarang masalah, namun kenyataan pegawai polis itu adalah benar.

"Jika lampu dihidupkan dalam tempoh yang lama, ia hanya memberi kesan kepada jangka hayatnya sahaja.

"Tetapi, saya setuju dengan apa yang polis cakap kerana ia mungkin beri kesan dari segi keselamatan kediaman atau harta benda apabila menjadi sasaran penjenayah.

"Kerana itu, antara alternatif yang boleh disarankan, sama ada kita memasang 'timer' pada peralatan elektrik yang ada, atau menggunakan peralatan pintar yang boleh dikawal dari jauh menggunakan telefon bimbit.

"Jika kita boleh mengawal pemasangan lampu di rumah, maka penjenayah juga tidak akan dapat mengesan sama ada kita benar-benar ada di rumah atau tidak," jelasnya.

Pada masa sama, ketika ditanya mengenai cara penjagaan keselamatan elektrik apabila meninggalkan rumah dalam tempoh yang lama, Jasrul Jamani menasihatkan pemilik kediaman supaya mematikan semua suis yang ada di rumah kecuali peti ais, kemudahan internet atau peralatan lain yang memerlukan penggunaan sumber elektrik.

"Sebenarnya, selagi mana peralatan itu tidak membabitkan pemanasan, maka ia tidak menjadi masalah seperti peti ais, cuma jika ia terpasang dalam tempoh masa panjang, ia cuma memberi kesan kepada pembaziran elektrik sahaja.

"Jika betul-betul mahu ke arah penjimatan elektrik, maka peralatan elektrik hendaklah ditutup sepenuhnya di suis dan ia sebenarnya boleh menyelamatkan peralatan daripada terbakar sekiranya berlaku hujan atau kilat.

"Kerana itu dengan peralatan pintar, kita boleh kawal untuk hidup atau matikan peralatan elektrik hanya di hujung jari," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat menasihatkan orang ramai yang ingin pulang beraya atau bercuti ke kampung halaman pada Aidiladha ini adalah lebih baik melaporkan kepada balai polis berdekatan.

Beliau berkata, tindakan itu adalah bagi membolehkan pihak polis membuat pemantauan.

Disiarkan pada: Julai 8, 2022 @ 4:52pm